

04/01/2000

Kegiatan politik perlu dihadkan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat mengehendkan kegiatan politik parti hanya ketika musim pilihan raya saja bagi mengelakkan perpecahan, terutama di kalangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata politik tidak sepatutnya menjadi amalan hidup masyarakat, sebaliknya ditumpukan kepada pilihan raya saja tanpa menimbulkan suasana ketegangan dan perpecahan.

Beliau berkata rakyat perlu mencontohi demokrasi Barat yang menjadikan perbezaan fahaman parti ketika pilihan raya saja dan mengetepikannya selepas pilihan raya tamat.

"Kita perlu berhenti daripada kegiatan yang hanya akan menyebabkan perpecahan. Kita pinjam demokrasi dari Barat. Mereka (Barat) juga ada parti politik tetapi terhad dan bukan menjadikan ia sebagai kehidupan.

"Apabila pilihan raya tamat mereka ketepikan masalah parti atau kesetiaan kepada parti, sebaliknya merapatkan semula hubungan.

"Dengan berbuat demikian kehidupan masyarakat menjadi lebih sempurna seperti sebelum pilihan raya.

"Tetapi, kita terus mempertikaikan dan bermusuhan sesama parti selam-lama sehingga selepas pilihan raya.

"Jika kita meneruskan persengketaan dan perselisihan, masyarakat kita tidak menjadi masyarakat yang bahagia," katanya di majlis terbuka puasa dengan rakyat di Masjid Al-Hana', di sini malam ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Syed Razak Syed Zain; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian; Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah.

Perdana Menteri turut kesal berikutan perbuatan pihak tertentu mengambil kesempatan menyelitkan kegiatan politik dalam ibadat berpuasa ketika sembahyang sunat terawih.

Menurutnya, pihak terbabit menggunakan masa antara empat rakaat solat berkenaan atau 'tazkirah' untuk menyampaikan ceramah agama berunsur politik, termasuk melemparkan kata-kata kesat dan menimbulkan kebencian jemaah terhadap orang tertentu.

Menurutnya, ia berlaku di banyak tempat sehingga menjejaskan tumpuan jemaah dan mereka tidak boleh khusyuk untuk bersembahyang kerana diselitkan dengan gangguan berunsur politik.

"Perbuatan ini mengganggu jemaah kerana Islam mahukan umatnya khusyuk bersembahyang tanpa gangguan dengan perkara yang tidak ada kaitan, seperti fitnah demi kepentingan politik pihak tertentu.

"Kita rasa tidak senang (ketika solat) kerana dalam hati kita timbul perasaan marah pada imam yang ganggu tumpuan kita serta orang yang dikutuk (dalam tazkirah). Ia menyebabkan sembahyang kita tidak sempurna," katanya.

Dr Mahathir juga kesal kerana pilihan raya baru-baru ini yang diadakan sebelum Ramadan bagi mengelakkan perbuatan tidak baik dalam bulan yang mulia tidak berjaya berikutan kegiatan tazkirah berunsur politik ketika solat sunat terawih.

Sehubungan itu, beliau merayu semua pihak menghentikan perbuatan yang tidak bertanggungjawab sehingga memecah-belahkan perpaduan umat Islam, khususnya pada bulan Ramadan.

(END)